



BSN



BSN TAKAFUL SAKINAH

Pelan Perlindungan Pertama Anda



Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa yang menghilangkan dari seorang muslim satu penderitaan dari penderitaan-penderitaan di dunia, maka Allah akan menghilangkan penderitaannya dari penderitaan-penderitaan hari akhirat. Sesiapa yang memudahkan bagi orang yang mengalami kesulitan, maka Allah akan memudahkan baginya urusan di dunia dan di akhirat. Dan sesiapa yang menutupi kesalahan (aib) seorang Muslim, maka Allah akan menutupi kesalahannya (aibnya) di dunia dan di akhirat. Allah senantiasa menolong hamba tersebut selagi mana seorang hamba itu menolong saudaranya." (Hadis Riwayat Muslim: No. 2699)

PERLINDUNGAN
tenang



1300-88-1900

www.bsn.com.my



BSNMalaysia

MANFAAT UTAMA



PERLINDUNGAN

Manfaat kematian biasa atau kematian akibat kemalangan



KHAIRAT

Pembayaran sehingga RM3,500*



MUDAH

Pelan yang mudah difahami



MAMPU MILIK*

Serendah RM55 setahun



RINGKAS/SENANG

Pendaftaran yang mudah, tanpa kertas dan tidak memerlukan pemeriksaan kesihatan

*Bergantung kepada jenis pelan.

JUMLAH PERLINDUNGAN

Jumlah perlindungan ini ditentukan oleh jenis pelan seperti dibawah:

Jenis Pelan	Tempoh Perlindungan	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)	Pelan 4 (RM)
Manfaat Kematian secara Semulajadi	Bulan pertama - Bulan keempat	Tiada manfaat akan dibayar			
	Bulan kelima dan seterusnya	10,000	15,000	20,000	30,000
Manfaat Kematian akibat Kemalangan	Bulan pertama - Bulan kedua belas	20,000	30,000	40,000	60,000
Manfaat Khairat	Bulan pertama - Bulan kedua belas	1,500	1,700	2,500	3,500
Sumbangan	Tahunan	55	80	110	165
Umur Kemasukan		19 - 60 Umur Pada Hari Jadi akan Datang			






Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Lampiran Keterangan Produk atau layari laman web www.bsn.com.my

CAJ DAN POTONGAN





Caj Wakalah Pendahuluan	35% daripada Sumbangan
Caj Sijil Wakalah	Tidak Berkeajaan
Potongan Tabarru`	Baki daripada bayaran sumbangan selepas penolakan Caj Wakalah Pendahuluan akan ditempatkan dalam Dana Tabarru`
Caj Penyerahan	Tidak Berkeajaan
Caj Lain	Tidak Berkeajaan

BAGAIMANA UNTUK SAYA MENDAFTAR?

KAUNTER BSN

-  **1** Berikan kad pengenalan anda kepada juruwang bank untuk pemeriksaan kelayakan:
 - Umur Kemasukan
 - Pemegang akaun simpanan
 - Pemegang sijil BSN Takaful Sakinah yang sedia ada
-  **2** Pilih jenis pelan anda:
 - Pelan 1 • Pelan 2 • Pelan 3 • Pelan 4
-  **3** Pilih pembaharuan automatik dan kekal dilindungi
-  **4** Potongan sumbangan daripada akaun simpanan anda*
**Pelanggan akan menerima salinan resit sebagai bukti perlindungan*
-  **5** Kemas kini Penama anda**
***Pelanggan akan menerima slip pencalonan setelah berjaya kemas kini*

PENDAFTARAN SENDIRI

-  **1** Lawati laman BSN Takaful Sakinah di laman sesawang BSN
-  **2** Klik butang “Daftar Sekarang”
-  **3** Masukkan nombor kad pengenalan anda
-  **4** Dapatkan TAC pengesahan



5

Pilih jenis pelan anda:

• Pelan 1 • Pelan 2 • Pelan 3 • Pelan 4



6

Pilih pembaharuan automatik dan kekal dilindungi



7

Potongan sumbangan daripada akaun simpanan anda



8

Kemas kini Penama anda?

• Jika tidak: klik butang "Enroll"
• Jika ya: teruskan ke langkah 9 dan 10



9

Kemas kini saksi anda dan minta TAC



10

Dapatkan TAC dari saksi, masukkan dan klik butang "Submit"

BAGAIMANA UNTUK SAYA MEMBUAT TUNTUTAN?



1

Penuntut mengunjungi **cawangan PruBSN/BSN yang terdekat**



2

Dokumen yang diperlukan:

• Sijil Kematian Orang yang Dilindungi*
• Salinan Kad Pengenalan Penuntut*
• Laporan Polis**

*Salinan Diakui Sah

**Terhad kepada kematian akibat kemalangan



3

Berikan **maklumat** dan **nombor akaun bank penuntut**



4

Tuntutan akan diproses dalam **tempoh 5 hari bekerja setelah penerimaan dokumen yang lengkap**

NOTA PENTING

1. Risalah ini tidak mengikat sebarang kontrak antara anda dan Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN). Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pelan ini, sila rujuk kepada Lampiran Keterangan Produk, sebelum menyertai pelan ini dan sila rujuk kepada terma dan syarat di dalam dokumen sijil untuk maklumat lanjut mengenai ciri-ciri penting pelan ini.
2. Risalah ini diterbitkan hanya untuk maklumat dan tidak berkaitan dengan matlamat-matlamat kewangan, situasi dan keperluan mana-mana individu tertentu.
3. Dalam risalah ini, Umur merujuk kepada Umur pada Tarikh Lahir akan Datang, melainkan dinyatakan sebaliknya.
4. BSN Takaful Sakinah adalah berdasarkan persetujuan bantuan bersama (*Ta'awun*) di mana sumbangan selepas penolakan Caj *Wakalah* Pendahuluan, dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru'* bersama dengan sumbangan peserta-peserta yang lain untuk memberikan manfaat kewangan bersama yang boleh dibayar kepada semua peserta takaful yang layak. Berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, PruBSN akan menguruskan pelan takaful anda sebagai pulangan untuk Caj-caj *Wakalah* yang tersenarai di atas.

5. 50% daripada Lebihan Yang Boleh Diagihkan yang terhasil daripada Dana *Tabarru`* (jika ada) akan dikongsi bersama dengan Ahli yang Dilindungi. PruBSN akan mengira Lebihan Yang Boleh Diagihkan untuk setiap Ahli yang Dilindungi. Baki sebanyak 50% akan diberikan kepada PruBSN sebagai insentif kerana mengurus Dana *Tabarru`*. Amaun sebenar Lebihan Yang Boleh Diagihkan akan ditentukan setiap tahun dan tertakluk kepada kelulusan daripada Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.
6. Sumbangan dan kadar potongan *Tabarru`* dan caj-caj lain adalah tidak dijamin. PruBSN boleh untuk menyemak semula sumbangan, kadar potongan *Tabarru`* dan/atau caj lain dengan memberi notis bertulis 30 hari kepada pemilik sijil. Sekiranya terdapat kenaikan kadar potongan *Tabarru`*, anda mungkin perlu membayar sumbangan tambahan pada pembaharuan sijil tahun akan datang.
7. Untuk BSN Takaful Sakinah, anda boleh menuntut pelepasan cukai insurans yang berkaitan, tertakluk pada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
8. Anda boleh membatalkan pelan ini dengan membuat permintaan secara bertulis dalam masa lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran dokumen sijil, PruBSN akan memulangkan sumbangan yang dibayar untuk perlindungan takaful yang berkenaan.
9. BSN Takaful Sakinah tidak menyediakan manfaat Dana *Tabarru`* jika sijil telah diserahkan, ditamatkan, tamat tempoh atau matang.
10. BSN Takaful Sakinah hanya boleh dilanggan oleh Pelanggan BSN dengan Akaun Simpanan Bank atas tujuan pembayaran sumbangan.

PENGECUALIAN

BSN Takaful Sakinah tidak melindungi sebarang situasi berikut:

Manfaat Kematian secara Semulajadi

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian secara Semulajadi sekiranya kematian Orang yang Dilindungi secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh bunuh diri semasa waras atau tidak waras.

Kematian akibat kemalangan

PruBSN tidak akan membayar manfaat Kematian Akibat Kemalangan jika Anda atau Orang yang Dilindungi mati disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

- i. peperangan, penaklukan, tindakan keganasan musuh luar (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan kuasa, ketenteraan atau rampasan kuasa, pengambilan bahagian secara langsung dalam rusuhan, mogok atau kekacauan awam;
- ii. mana-mana pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang penahanan;
- iii. percubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ke atas diri semasa waras atau tidak waras;
- iv. Kehamilan, kehamilan sekarang dan sebelumnya (dan komplikasi berkaitan), melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan dan apa juga pembedahan atau prosedur bukan pembedahan ke atas sistem peranakan wanita ketika pembedahan untuk kelahiran), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia, rawatan berkaitan ketaksuburan termasuk disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan;
- v. kemabukan alkohol atau dadah;
- vi. penglibatan atau mengambil bahagian dalam aktiviti sukan profesional, penyelaman skuaba, sebarang jenis perlumbaan, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, di atas kapal terbang komersial berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi secara berjadual mengikut laluan biasa, atau sebarang aktiviti atau sukan merbahaya (termasuk penerjunan lelabah, geluncur angin, menaiki belon panas, penerjunan payung terjun dan penerjunan udara), melainkan Kami memberi persetujuan melalui endorsan khas;
- vii. mengambil dadah atau narkotik selain daripada yang ditetapkan oleh Doktor atau Pakar Perubatan;
- viii. apa-apa bentuk sakit atau penyakit disebabkan oleh sebab-sebab yang tidak disengajakan

BSN Takaful Sakinah adalah produk patuh syariah.

Pelan ini ditaja jamin oleh:

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

Untuk maklumat / pertanyaan lebih lanjut, sila hubungi:

Prudential BSN Takaful Berhad

200601020898 (740651-H)

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188
Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

Tel: 03 2775 7188 E mel: customer@prubsn.com.my

www.prubsn.com.my



www.facebook.com/prubsn



www.instagram.com/prubsn_official



www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad

Prudential BSN Takaful Berhad adalah Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Pelan ini diedarkan oleh:



Bank Simpanan Nasional

Wisma BSN, 117, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur. Tel: 1300 88 1900

www.bsn.com.my

Untuk maklumat lanjut, sila imbas kod QR



Prudential BSN Takaful Berhad ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang dilindungi di bawah sijil takaful yang ditawarkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad dilindungi daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan Pengendali Takaful. Untuk maklumat lanjut mengenai had dan skop perlindungan ini, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada Prudential BSN Takaful Berhad atau layari laman web PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

Penting: Anda seharusnya berpuas hati bahawa produk ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar di bawah sijil ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.

Semua maklumat adalah betul semasa penerbitan. Diterbitkan April 2023.